



Air-King

Oyster, 40 mm, Oystersteel

Dengan penutup 40 mm
dalam Oystersteel,
rantai Oyster
sambungan padu dan
permukaan hitam yang
tersendiri, Air-King
mengabadikan warisan
aeronautik yang berasal
daripada Oyster Rolex.



PERMUKAAN HITAM

Bacaan masa navigasi

Permukaan Air-King bercirikan permukaan hitam tersendiri dengan gabungan angka besar 3, 6 dan 9 yang menandakan jam dan skala minit yang menonjol untuk bacaan masa navigasi.

Permukaan ini mempamerkan nama Air-King dalam tulisan yang sama yang direka khusus untuk model itu pada tahun 1950-an.




OYSTERSTEEL

Sangat tahan kakisan

Rolex menggunakan Oystersteel untuk penutup jam tangan keluli. Direka khas oleh Rolex, Oystersteel tergolong dalam keluarga keluli 904L, iaitu aloi yang paling biasa digunakan dalam teknologi tinggi dan industri ruang angkasa serta kimia, di mana rintangan maksimum terhadap kakisan adalah penting.

Oystersteel sangat tahan dan ia menawarkan kemasan luar biasa apabila digilap dan mengekalkan kilauan walaupun dalam persekitaran yang paling sukar.



RANTAI OYSTER

Keajaiban bentuk dan fungsi

Rantai Oyster ialah keajaiban bentuk dan fungsi, estetika dan teknologi yang sempurna, yang direka untuk menjadi teguh dan selesa. Ia dilengkapi dengan pengancing lipat Oysterlock yang menghalang daripada terbuka tanpa sengaja dan pautan sambungan keselesaan Easylink yang juga eksklusif untuk Rolex.

Sistem yang bijak ini membolehkan pemakai memanjangkan lagi panjang rantai sehingga kira-

kira 5 mm agar dapat memberikan keselesaan tambahan dalam apa jua keadaan.



GERAKAN 3230

Prestasi yang hebat

Air-King generasi baharu dilengkapi dengan kaliber 3230, sebuah gerakan yang dibangunkan dan dikeluarkan sepenuhnya oleh Rolex yang dilancarkan pada tahun 2020 dan dipasangkan pada model ini sejak tahun 2022. Sebagai peneraju teknologi pembuatan jam tangan, pergerakan mekanikal automatik ini telah mendaftarkan beberapa paten dan menawarkan prestasi menakjubkan dari segi ketepatan, rizab kuasa, ketahanan terhadap kejutan dan medan magnet, kemudahan penggunaan serta kebolehpercayaan.

Kaliber 3230 mengandungi bolosan Chronergy yang dipatenkan, yang menggabungkan kecekapan tenaga yang tinggi dan kebolehpercayaan yang hebat. Diperbuat daripada nikel-fosforus, gerakan ini juga tidak sensitif terhadap medan magnet. Gerakan ini dipasang dengan pegas rambut Parachrom biru yang dioptimumkan, dikeluarkan oleh Rolex dalam aloi paramagnet yang menjadikan gerakan ini 10 kali ganda lebih tepat daripada pegas rambut tradisional jika kejutan terjadi. Pegas rambut Parachrom biru dilengkapi dengan gegelung luar Rolex untuk memastikan kaliber itu tidak berubah dalam apa jua keadaan. Pengayun dipasangkan pada penyerap kejutan Paraflex berprestasi tinggi yang direka bentuk dan dipatenkan oleh Rolex, sekali gus meningkatkan rintangan kejutan gerakan. Kaliber 3230 dilengkapi dengan modul putaran automatik melalui rotor Perpetual. Lantaran seni bina barel dan kecekapan bolosan yang tinggi, rizab kuasa kaliber 3230 mampu bertahan sehingga kira-kira 70 jam.

Lagi butiran teknikal Air-King

Rujukan 126900

Penutup Model

Jenis

Oyster, 40 mm, Oystersteel

Diameter

40 mm

Bahan

Oystersteel

Bezel

Licin

Seni Bina Oyster

Penutup tengah monoblok, penutup belakang diskrukan dan putaran jam

Putaran Jam

Diskrukan, sistem kalis air berganda Twinlock

Kristal

Nilam tahan calar

Kekalisan Air

Kalis air hingga 100 meter / 330 kaki

Gerakan

Jenis

Perpetual, mekanikal, automatik

Kaliber

3230, Buatan Rolex

Ketepatan

-2/+2 saat/hari, selepas penutup dipasang

Pengayun

Pegas rambut Parachrom biru paramagnetik. Penyerap kejutan Paraflex berprestasi tinggi

Pemutaran

Dwiarah automatik melalui rotor
Perpetual

Fungsi

Jarum jam tengah, minit dan saat.
Penghentian jarum saat untuk
tetapan masa yang tepat

Rizab kuasa

Lebih kurang 70 jam

Rantai

Jenis

Oyster, pautan tiga keping padu

Pengancing

Pengancing keselamatan
Oysterlock lipat dengan pautan
sambungan keselesaan 5 mm
Easylink

Bahan Rantai

Oystersteel

Permukaan

Jenis

Hitam

Butiran

Paparan Chromalight yang sangat
mudah dibaca dengan pendarkilau
biru tahan lama

Pensijilan

Jenis

Kronometer Superlatif (COSC +
pensijilan Rolex selepas penutup
dipasang)

Terokai dan temui lebih lanjut di Rolex.com

**Semua hak milik intelek seperti tanda
dagangan, tanda perkhidmatan, nama
dagang, reka bentuk dan hak cipta
terpelihara.**

Tiada apa-apa yang terkandung dalam
laman web ini boleh diterbitkan tanpa
kebenaran bertulis. Rolex berhak
mengubah suai model yang dipaparkan
pada laman web semasa pada setiap
masa.

